

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**BST 301/3 - Pengurusan Persekitaran**

[Masa : 3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Aktiviti Terjadual (Prescribed Activities) yang terkandung dalam Perintah EIA (1987) telah mengenalpasti 19 aktiviti khusus yang memerlukan kajian EIA, sebelum apa-apa projek dilaksanakan. Bincangkan:
  - (a) Kelemahan serta kekuatan yang ada pada senarai tersebut.

(10 markah)
  - (b) Aktiviti tambahan yang perlukan EIA.

(10 markah)
  
2. Dalam membuat ramalan impak EIA, kejituan dan ketepatan adalah dua aspek yang perlu dititikberatkan. Huraikan permasalahan yang berkaitan serta langkah-langkah yang boleh mengatasinya.

(20 markah)
  
3. Dengan menggunakan carta alir lengkap, huraikan tatacara yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia untuk menjalankan EIA Awal (Preliminary EIA) dan EIA Terperinci (Detailed EIA).

(20 markah)
  
4. Bincangkan perbezaan antara kajian Garis Dasar dan kajian Inventori Sumber Alam.

(20 markah)

**[BST 301/3]**

5. Apakah yang dimaksudkan dengan langkah-langkah mitigasi? Berikan dan huraikan tiga (3) contoh yang spesifik.

(20 markah)

6. Apakah yang terkandung dalam Strategi Pemuliharaan Nasional? Huraikan aspek-aspek utama yang ditekankan.

(20 markah)